



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/1/2013

Tidak mungkin wujud kesilapan, ia sesuatu yang mengarut

# Kira semula undi hanya helah politik

um-8/1/2013

Oleh HASHNAN ABDULLAH dan SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 7 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan DAP mengadakan pengiraan semula undi bagi pemilihan Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) baru-baru ini, sebagai satu helah politik untuk menarik sokongan orang Melayu menjelang Pilihan Raya Umum ke-13.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, tidak mungkin wujud kesilapan dalam mengira undi tetapi 'helah' itu diwujudkan bila didapati tidak ada langsung pemimpin Melayu dalam jawatankuasa tersebut.

Katanya, pengiraan semula undi itu juga sesuatu yang mengarut kerana sebenarnya DAP langsung tidak memilih pemimpin dari kalangan calon orang Melayu.

"Kiraan itu betul tetapi bila mereka (DAP) dapati tidak ada langsung pemimpin Melayu dalam DAP,

mereka kata mereka silap.

"Takkan begitu bodoh sekali, nak kira undi pun tidak tahu. Kalau tidak tahu kira undi, tidak usahlah jadi kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan sesi dialog dengan ahli Kelab Veteran Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi MAYC, Datuk Nasir Safar.

Akhbar baru-baru ini melaporkan DAP mengakui berlaku kesilapan dalam pengiraan undi semasa pemilihan jawatan CEC 15 Disember lalu.

Menerusi keputusan yang dipinda itu, Zairil Abdullah yang pada mulanya berada pada kedudukan 39, kini berada pada kedudukan 20.

Terdahulu, Dr. Mahathir dalam ucapannya, meminta rakyat membuat keputusan yang bijak dalam memilih parti untuk membela nasib mereka di masa hadapan.

Katanya, perjuangan kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak mer-

deka lagi telah terbukti berjaya membawa kemakmuran dan kestabilan kepada negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum.

"Di Malaysia walaupun berbeza kaum, agama, bahasa, budaya dan pencapaian ekonomi tetapi negara aman dan kita dapat majukan negara kerana mempunyai pemerintahan yang cekap dan prihatin

"Justeru, kita harap majoriti faham akan tanggungjawab mereka dan gunakan kuasa mengundi dengan baik supaya dapat diadakan pemerintahan yang baik," katanya.

Katanya, perpecahan bangsa Melayu kepada tiga bahagian juga memberi petanda yang tidak baik hingga menyebabkan golongan minoriti mengambil kesempatan.

"Bila kuasa politik minoriti menjadi penentu, kita akan jadi seperti peminta sedekah di negara sendiri. Sebab tidak bijak dalam bidang politik, nasib serta masa depan bukan bergantung kepada kita tetapi orang lain," katanya.



DR. MAHATHIR Mohamad bersama ahli-ahli Kelab Veteran Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) selepas majlis dialog di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. Turut sama, Nasir Safar (depan, tiga kanan). - BERNAMA